



**MEMO PERHUBUNGAN
BAHAGIAN PENGURUSAN
JABATAN PEGUAM NEGARA**

Kepada	Semua Pegawai dan kakitangan Jabatan Peguam Negara	Salinan Kepada : Y.Bhg. Tan Sri Peguam Negara Y.Bhg. Datuk Peguam Cara Negara Y.Bhg. Dato' Peguam Cara Negara II
Daripada	Pengarah Bahagian Pengurusan	
Rujukan	PN.BPA.152/133/30 Klt.7 (54)	
Tarikh	12 Jun 2008	
Perkara	PENGGUNAAN BAS-BAS JABATAN UNTUK MEMBAWA ANGGOTA AWAM YANG TINGGAL DI KUARTERS PUTRAJAYA KE PEJABAT	

Y.Bhg. Datuk/Dato'/ Tuan / Puan,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) Bil. 4 Tahun 2008 pada 5 Jun 2008 (Khamis) telah bersetuju supaya Bas Jabatan (misalnya bas Jabatan Peguam Negara) digunakan untuk membawa anggota awam yang tinggal di kuarters Putrajaya ke pejabat dan balik.

3. Perkhidmatan bas yang disediakan ini telah ditetapkan laluan dan akan hanya membawa penumpang dari kawasan kuarters yang ditetapkan ke kompleks pejabat yang berkenaan sahaja (misalnya kompleks C). Bas-bas tersebut tidak akan membawa atau mengambil penumpang yang turun di kompleks pejabat yang lain.

4. Sehubungan ini semua warga Jabatan Peguam Negara yang ingin menggunakan khidmat bas tersebut diminta mematuhi waktu dan laluan yang telah ditetapkan seperti berikut -

JADUAL PERKHIDMATAN BAS JABATAN

Waktu Pagi : a) 7.00 pagi

b) 8.00 pagi

Waktu Petang : a) 5.10 petang

b) 6.10 petang

PENGAGIHAN BAS MENGIKUT KOMPLEKS DAN LOKASI KUARTERS

Bil.	Bas Jabatan	Kompleks	Lokasi Kuarters	Tempat Menunggu bas
1	Jabatan Peguam Negara	C	Presint 16	Bus Stop Blok A1
2	Jabatan Perangkaan	C	Presint 14	Bus Stop Hadapan Sekolah
3	SPR	C	Presint 11	Bus Stop Blok A
4	JPA	C	Presint 9A	Bus Stop Berhampiran Petronas
5	SPA	C	Presint 9B	Bus Stop Kedai Mamak
6	JPA	C	Presint 8	Bus Stop Blok 8B & Blok 8A

5. Edaran ini adalah berkuatkuasa mulai 16 Jun 2008 (Isnin).
6. Kerjasama dan perhatian tuan/puan mengenai perkara di atas diucapkan terima kasih jua.

Sekian.



(NORSHAM BT. RAHIN)

Samb. Tel : 5080

E-mel : norsham@agc.gov.my